

02 OCT 2000

Haji-Rangkuman/I

PERSIDANGAN SETUJU TINJAU CARA PERTINGKAT PANDUAN HAJI

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Bagi kebanyakan umat Islam, mengerjakan ibadah haji di Tanah Suci merupakan pengalaman sekali seumur hidup yang membawa kepada keperluan perancangan yang baik dan pengorbanan.

Ada yang bernasib baik kerana dapat membuat persediaan baik dan menerima bimbingan sebelum menjejakkan kaki di Arab Saudi - tempat lahirnya Islam - sementara yang lain mungkin tidak senasib baik seperti mereka.

Atas sebab inilah lebih kurang 150 perwakilan daripada 52 negara berkumpul di sini bagi Persidangan Panduan Haji Sedunia yang pertama kali diadakan di sini untuk mencari jalan bagaimana menyediakan panduan lebih baik bagi bakal haji daripada seluruh pelusuk dunia.

Persidangan tiga hari itu yang berakhir hari ini dianggap sebagai berjaya oleh Menteri Haji Arab Saudi, Dr Iyad Ameen Madani, kerana ia berjaya mencapai rangka kerja spesifik bagi tindakan dalam mencapai objektifnya.

Beliau berkata demikian sebagai merujuk kepada resolusi 10-perkara yang dikeluarkan oleh persidangan itu, yang satu daripadanya meminta pembentukan pasukan kerja untuk menetapkan garis panduan bagi mengadakan bengkel serantau untuk merumuskan, antara lain, program dan kaedah ke arah mencapai "haji mabrur".

Dr Iyad berkata, banyak daripada program persediaan Haji menggunakan format komunikasi sehala dengan ada orang yang menganggap beliau tahu semuanya sementara jemaah pula memainkan peranan sebagai penerima pasif menunggu mesej sampai kepada mereka.

"Ia tidak berlaku begitu. Kita rasa ia harus menjadi proses dua hala dengan si penerima menjadi peserta aktif dalam proses komunikasi," kata beliau.

Beliau juga berkata, mesyuarat itu berjaya meningkatkan kefahaman mengenai program persediaan dan kesedaran dan apa yang dikenali sebagai "Budaya Haji" perlu dipupuk dalam minda setiap bakal jemaah kerana bukan sesuatu kemewahan tetapi sesuatu yang wajib.

Satu lagi aspek Haji yang diutarakan oleh beberapa penceramah utama ialah bagaimana ia harus membawa perpaduan di kalangan umah di seluruh dunia.

Dalam ucapan pembukaan pada Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam berpecah belah dan sanggup membunuh sesama sendiri walaupun perbuatan itu dilarang oleh Islam.

Dr Mahathir berkata, umat Islam nampaknya sudah menolak satu prinsip utama Islam yang hanya terdapat satu umat Islam.

Mengenai perkara itu, Dr Iyad berkata Haji harus menjadi peluang kepada umat Islam untuk bertemu dan beramah mesra antara satu sama lain untuk mengetahui lebih akan pelbagai budaya dan tradisi mereka.

"Jika anda perhatikan cara Haji dikendalikan sekarang, anda akan lihat setiap negara bertindak sebagai sebuah pulau tersendiri. Rakyat Malaysia juga lebih berminat untuk bertemu dan berbual dengan rakyat Malaysia yang lain.

"Tetapi kita lebih suka mewujudkan saluran-saluran yang mana orang ramai boleh berkomunikasi bagi pertukaran maklumat dan budaya yang lebih baik. Haji harus menjadi peluang untuk mengetepikan budaya stereotaip dan bukan memperluatkannya," kata Dr Iyad.

Persidangan itu juga menyaksikan perbincangan empat kertas kerja negara mengenai pengurusan haji yang masing-masing disampaikan oleh Jordan, Senegal, Turki dan Malaysia.

Selain perbincangan di hotel Palace of the Golden Horses Hotel di pinggir Kuala Lumpur, para perwakilan juga ke Melaka untuk melihat sendiri bagaimana Malaysia menjalankan kursus-kursus latihan Haji.

Semasa berada di situ, mereka menyaksikan bagaimana persediaan bagi bakal haji dibuat di bawah penyeliaan pakar-pakar, bagaimana mereka diajar melakukan upacara amal Haji seperti "tawaf" mengelilingi replika Kaabah.

Ini menyebabkan Dr Iyad menyatakan rasa kagumnya terhadap jemaah haji Malaysia.

"Mereka jelas sekali mendapat manfaat daripada program-program panduan dalam menyediakan diri bagi Ibadah Haji," kata beliau.

Persidangan itu dianjurkan bersama oleh kerajaan Arab Saudi dan Tabung Haji.

-- BERNAMA
NHA MAM PR